



25 Mei 2012
25 May 2012
P.U. (A) 155

WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN
(PENENTUAN HARGA MAKSIMUM DAN PENANDAAN
HARGA BARANGAN HARGA TERKAWAL) (NO. 3)
2012

*PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING
(DETERMINATION OF MAXIMUM PRICE AND PRICE
MARKING OF PRICE-CONTROLLED GOODS) (NO. 3) ORDER
2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PENENTUAN HARGA
MAKSIMUM DAN PENANDAAN HARGA BARANGAN HARGA TERKAWAL) (NO. 3) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 dan 10 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Pengawal, dengan kelulusan Menteri, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum dan Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) (No. 3) 2012**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 27 Mei 2012 hingga 2 Jun 2012.

Harga maksimum pengeluar

2. Harga maksimum pengeluar bagi barangan harga terkawal yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama bagi negeri Sarawak ditentukan mengikut kawasan dan daerah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2).

Harga maksimum borong

3. Harga maksimum borong bagi barangan harga terkawal yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua bagi negeri Sarawak ditentukan mengikut kawasan dan daerah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2).

Harga maksimum runcit

4. Harga maksimum runcit bagi barangan harga terkawal yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Ketiga bagi negeri Sarawak ditentukan mengikut kawasan dan daerah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2).

Penandaan harga

5. (1) Mana-mana orang yang menjual atau menawarkan untuk menjual barang harga terkawal hendaklah meletakkan label berwarna merah jambu yang menunjukkan harga bagi setiap unit atau unit timbangan, nama yang memerihalkan barang tersebut dan gred atau kualiti, sekiranya ada, bagi barang harga terkawal itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING ACT 2011

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING (DETERMINATION OF MAXIMUM PRICE
AND PRICE MARKING OF PRICE-CONTROLLED GOODS) (NO. 3) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by sections 4 and 10 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 [Act 723], the Controller, with the approval of the Minister, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Price Control and Anti-Profiteering (Determination of Maximum Price and Price Marking of Price-Controlled Goods) (No. 3) Order 2012**.

(2) This Order has effect for the period from 27 May 2012 to 2 June 2012.

Maximum producer price

2. The maximum producer price for the price-controlled goods specified in column (1) of the First Schedule for the state of Sarawak is determined according to the areas and districts as specified in column (2).

Maximum wholesale price

3. The maximum wholesale price for the price-controlled goods specified in column (1) of the Second Schedule for the state of Sarawak is determined according to the areas and districts as specified in column (2).

Maximum retail price

4. The maximum retail price for the price-controlled goods specified in column (1) of the Third Schedule for the state of Sarawak is determined according to the areas and districts as specified in column (2).

Price marking

5. (1) Any person who sells or offers to sell any price-controlled goods shall affix a pink coloured label indicating the price per unit or per unit weight, the name describing the said goods and the grade or quality, if any, of such price-controlled goods.

(2) Any person who fails to comply with subparagraph (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable—

(a) where such person is a body corporate, to a fine not exceeding twenty thousand ringgit and, for a second or subsequent offence, to a fine not exceeding fifty thousand ringgit; or

(b) where such person is not a body corporate, to a fine not exceeding ten thousand ringgit and, for a second or subsequent offence, to a fine not exceeding twenty thousand ringgit.